

Headline	UPM menang 6 pingat di Pittsburgh	Language	MALAY
Date	27. Jun 2008	Page No	35
Media Title	Berita Harian	Article Size	94 cm2
Section	Pendidikan	Frequency	Daily
Circulation	217920	Color	Full Color
Readership	2083000		



UPM menang 6 pingat di Pittsburgh

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mencatat kejayaan memberangsangkan apabila lima penyertaannya meraih enam pingat, iaitu dua emas, tiga perak dan satu gangsa pada Pameran Penyelidikan Invention and New Product Exposition (Inpex) di Pittsburgh, Pennsylvania, Amerika Syarikat, baru-baru ini.

Pingat emas dimenangi dua penyelidik Institut Biosains, Prof Dr Fatimah Md Yusoff dan Prof Datuk Dr Mohamed Shariff Mohamed Din di bawah kategori pertanian yang turut meraih perak (kategori sains).

Kemenangan diperoleh menerusi penyelidikan bertajuk 'Periphyton - Bacterial Complex: A Novel System for Improving Water Quality and Shrimp Survival without Water Exchange.'

Penyelidikan itu mampu meningkatkan kualiti air dengan menyerap campuran bahan buangan beracun, selain membekalkan *live feed* berkualiti tinggi dan mengurangkan cannibalism.

Satu lagi emas dimenangi Dr Osumanu Haruna Ahmed menerusi ciptaannya, 'Simple and Rapid Method for Purifying Humic Acids Isolated from Humified Substances' bagi kategori teknologi khusus.

Penyelidikan pensyarah Fakulti Pertanian dan Sains Makanan Kampus UPM Bintulu yang mampu memberi faedah besar kepada industri pertanian kerana berupaya mengeluarkan baja organik pada kos lebih rendah itu juga turut menggondol gangsa di bawah kategori Kimia.